

05/02/2003

Orang muda perlu diberi peluang bukti kemampuan

Wan Emril Nizam Wan Embong

PEMBABITAN belia dalam pembangunan negara tidak dapat dinafikan. Malah, sumbangan mereka dalam pembangunan patut dilihat sebagai usaha bagi memastikan agar negara terus maju selaras dengan aspirasi pemimpin.

Namun, kadang kala ada suara sumbang yang mempertikaikan hasrat golongan

ini untuk mencurahkan bakti bersama pemimpin kerana faktor pengalaman, kematangan, pengaruh dan keadaan setempat.

Ini akan menyebabkan belia berasakan kehadiran mereka seolah-olah tidak

diperlukan, lantaran mereka akan mengambil sikap 'tunggu dan lihat' dan memencilkan diri daripada agenda nasional.

Hakikatnya, golongan muda harus diberikan peluang untuk turut bersama-sama membuktikan bahawa mereka juga berkemampuan menyumbang sesuatu demi perkembangan agama, bangsa dan negara.

Di antara inti pati penting Perdana Menteri ketika mengumumkan persaraan

pada Oktober 2003 ialah menekankan perlunya barisan kepemimpinan akan datang ditampilkkan dengan muka atau generasi baru yang akan menyemarakkan

semangat, jiwa dan azam baru.

Hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu perlu difahami dan diteliti oleh kepemimpinan akar umbi di semua peringkat sama ada parti, barisan kepemimpinan nasional, negeri, daerah dan kampung.

Mereka perlu menyedari bahawa generasi muda wajar diserapkan sebagai barisan pelapis untuk memastikan agar agenda pembangunan negara mempunyai kesinambungan.

Ini kerana adakalanya negara yang penduduknya rata-rata berada dalam lingkungan usia belia, memerlukan mentor dari kalangan belia agar hasrat,

bicara dan luahan hati serta masalah mereka didengari dan cuba diselesaikan oleh pemimpin sebaya dan seusia dengan mereka.

Kaedah dan pendekatan seperti ini sewajarnya diterapkan agar hati belia

memahami suara generasi muda penggerak wawasan negara. Lebih penting generasi muda akan dapat menimba pengalaman dan menggunakan pengalaman berharga itu apabila memegang tampuk kepemimpinan.

Akan tetapi, pemantauan berterusan oleh golongan berpengalaman akan memastikan kesinambungan itu akan terjalin berkekalan dan janganlah ia menjadi ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus.

WAN EMRIL NIZAM WAN EMBONG

Kuantan, Pahang.